

127

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO DR' TAN KEE KWONG**  
**[ WANGSA MAJU ]**  
**TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)**  
**RUJUKAN : L17 [PR-1361-L04996]**  
**SOALAN :**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini bagi cadangan pangsapuri di atas lot 21449 Jalan Wangsa Melawati 1.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menerima permohonan pada 7 Disember 2017 bagi pembangunan kediaman (kondominium) di atas Lot 21449, Jalan Wangsa Melawati 1, Mukim Setapak, Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan ini telahpun dipertimbangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat (JKTPS) pada 16 Januari 2018. Mesyuarat JKTPS telah memutuskan bersetuju untuk membenarkan kepadatan 850 orang seekar tertakluk kepada maklumbalas dari **Proses Kaedah 5** (Mendapatkan pandangan daripada pemilik bersebelahan).